



GARIS PANDUAN PERMOHONAN DAN PENGGUNAAN BSK TRANSIT

**BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH
MALAYSIA**

**TARIKH BERKUATKUASA:
21 JULAI 2016**

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN DAN PENGGUNAAN
BSK TRANSIT**

NAMA DAN PEMAKAIAN

1. (1) Garis Panduan ini bolehlah dinamakan Garis Panduan Permohonan dan Penggunaan BSK Transit.
- (2) Garis Panduan ini dikeluarkan oleh Jawatankuasa Akaun Amanah dan hendaklah terpakai kepada semua Pegawai Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) dalam menguruskan hal ehwal BSK Transit.

OBJEKTIF BSK TRANSIT

2. Objektif BSK Transit adalah untuk—
 - (a) Menjamin kehadiran pihak-pihak di Mahkamah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan dalam prosiding perbicaraan;
 - (b) Melicinkan perjalanan prosiding kes di Mahkamah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan;
 - (c) Mengurangkan beban kewangan pihak-pihak yang kurang berkemampuan berulang alik menghadiri prosiding kes di Mahkamah Syariah melalui pembiayaan kos perbelanjaan pengangkutan, penginapan, dan makan minum; dan
 - (d) Melindungi keselamatan pihak-pihak terutamanya golongan ibu tunggal yang sesetengahnya terpaksa bermusafir untuk menghadiri kes di Mahkamah Syariah.
 - (e) Menyediakan rumah perlindungan sementara kepada para wanita yang terlibat dengan kes-kes berkaitan keganasan rumahtangga di kawasan sekitar Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Kuala Lumpur

TAFSIRAN

3. Dalam Garis panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

"Jawatankuasa Akaun Amanah" ertinya jawatankuasa yang dibentuk di bawah Arahan Amanah Bahagian Sokongan Keluarga, Akta Tatacara Kewangan 1957, selepas ini disebut sebagai JKA;

"*Faqir*" ertinya pihak yang berpendapatan satu pertiga daripada *had kifayah*;

"*Had Kifayah*" ertinya suatu penentu ukur kecukupan bagi seseorang individu atau bagi sesebuah keluarga. *Had Kifayah* merujuk kepada suatu garisan, had, atau kadar keperluan asas minimum yang ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) berdasarkan kos sara hidup masa kini;

"Miskin" ertinya pihak yang berpendapatan separuh daripada *had kifayah*;

"Pegawai" ertinya Pegawai Bahagian Sokongan Keluarga;

"Penerbangan" ertinya pengangkutan udara menggunakan Air Asia atau mana-mana agensi perkhidmatan tambang murah; dan

"Prosiding" ertinya apa-apa tindakan berhubung kes mal di Mahkamah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan dan Putrajaya.

SKOP PERKHIDMATAN BSK TRANSIT

4. (1) Perkhidmatan BSK Transit disediakan kepada pemohon yang bermastautin di mana-mana negeri di Malaysia yang mempunyai prosiding kes di Mahkamah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan. Perkhidmatan ini turut diberikan kepada pihak yang terlibat dengan proses perantaraan di Jabatan Bantuan Guaman Putrajaya dan Kuala Lumpur serta pihak yang menghadiri sesi sulh di Mahkamah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan.

(2) Perkhidmatan BSK Transit merupakan bantuan perkhidmatan penginapan sementara yang disediakan kepada pihak-pihak yang berkelayakan. Bagi pelanggan

BSK, mereka layak untuk menuntut kos perbelanjaan pengangkutan dan makan minum sepanjang menginap di rumah BSK Transit tersebut.

KRITERIA DAN CIRI-CIRI PEMOHON

5. (1) Kriteria dan ciri-ciri kelayakan permohonan perkhidmatan BSK Transit adalah seperti berikut—

- (a) pemohon beragama Islam;
- (b) merupakan pihak di dalam prosiding di Mahkamah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan; atau
- (c) merupakan pihak yang terlibat dengan sidang perantaraan di Jabatan Bantuan Guaman (JBG) Putrajaya dan Kuala Lumpur; atau
- (d) merupakan pihak yang terlibat dengan sesi majlis Sulh di Mahkamah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan; atau
- (e) merupakan pihak yang terlibat dalam kes Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepengunaan (KPDKKK);
- (f) tinggal di luar kawasan Lembah Klang; dan
- (g) tidak berkemampuan.

(2) Bagi maksud perenggan 1 (g) di atas, pemohon hendaklah terdiri daripada golongan miskin dan *faqir*.

(3) Sebarang pengecualian daripada pemakaian kriteria dan ciri-ciri kelayakan di perenggan (1) di atas hanya boleh dipertimbangkan dengan kelulusan Pengarah BSK mengikut setiap kes secara berasingan (*case by case basis*).

PERKHIDMATAN PENGINAPAN

6. (1) Bantuan kemudahan penginapan disediakan di apartmen Kuarters Kerajaan Jalan Duta, Kuala Lumpur dan kuarters di Presint 18, Fasa 18R4, Putrajaya.

(2) Sebarang pengecualian daripada kemudahan penginapan di perenggan (1) di atas hanya boleh dipertimbangkan dengan kelulusan Pengarah BSK mengikut setiap kes secara berasingan (*case by case basis*).

KADAR BAYARAN

7. (1) Kadar bayaran pengangkutan dan kos makan minum hendaklah sebagaimana yang ditetapkan di dalam Jadual.

(2) Tiada bayaran tambahan diberikan sekiranya perbelanjaan melebihi kadar bayaran mengikut perenggan (1).

(3) Bagi penerima yang bermastautin di negeri Sabah dan Sarawak, kos penerbangan hanya akan dibayar oleh BSK setelah tuntutan beserta dokumen berkaitan dikemukakan.

TATACARA PERMOHONAN

8. (1) Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Pegawai BSK dengan mengemukakan dokumen berikut:

- (a) borang permohonan BSK Transit;
- (b) salinan kad pengenalan pemohon;
- (c) salinan notis kehadiran dan/atau notis tangguhan dari Mahkamah Syariah;
- (d) salinan slip gaji (sekiranya ada); dan
- (e) salinan muka depan buku akaun.

(2) Permohonan secara atas talian juga boleh dibuat melalui pautan www.bsktransit.jksm.gov.my

(3) Setiap permohonan hendaklah tiga puluh hari sebelum tarikh prosiding di Mahkamah Syariah, kecuali terdapat alasan munasabah yang dipertimbangkan dan diluluskan oleh Pegawai BSK mengikut setiap kes secara berasingan.

SYARAT-SYARAT MENDUDUKI RUMAH BSK TRANSIT

9. (1) Setiap pemohon yang berjaya menduduki BSK Transit dikehendaki mematuhi peraturan yang telah ditetapkan seperti berikut:

- (a) Hanya pemohon yang diluluskan penggunaan kemudahan penginapan transit sahaja dibenarkan mengambil kunci rumah BSK Transit.
- (b) Penghuni tidak dibenarkan membuat sebarang pengubahsuaian peralatan yang disediakan oleh pihak BSK. Penghuni perlu menanggung kos sebarang kerosakan, kehilangan barang/peralatan, membersihkan dan membaiki di rumah BSK Transit tersebut.
- (c) Tuntutan bayaran ganti rugi akan diambil terhadap penghuni/tetamu sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan ke atas peralatan, perhiasan dan kelengkapan yang disebabkan oleh kecuaian atau kelalaian penghuni/tetamu sendiri. Bayaran akan dituntut oleh pihak BSK berdasarkan laporan oleh penyelia yang bertugas. Kadar ganti rugi adalah seperti senarai harga barang yang dipaparkan di setiap rumah BSK Transit.
- (d) Penghuni hendaklah memaklumkan kepada pihak BSK sekiranya berlaku sebarang kesulitan semasa atau sebelum menduduki rumah Bsk Transit tersebut.
- (e) Penghuni perlu mengambil langkah berjimat cermat dengan memastikan sebarang suis lampu/kipas dan pili air ditutup jika tidak digunakan.
- (f) Penghuni pada setiap masa hendaklah memastikan kebersihan rumah BSK Transit dijaga dengan membuang sampah di rumah sampah yang disediakan di kawasan tersebut. Selepas tamat tempoh menduduki rumah BSK Transit, penghuni hendaklah menyerahkan kembali rumah BSK Transit dalam keadaan asal.
- (g) Notis pengosongan rumah BSK Transit akan dikeluarkan serta-merta jika penghuni melanggar syarat-syarat menduduki rumah BSK Transit ini dan penghuni yang didapati menyalahgunakan kemudahan dan melanggar peraturan akan disenaraihitamkan dari membuat permohonan selama satu tahun.

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN DAN PENGGUNAAN
BSK TRANSIT**

- (h) BSK tidak akan bertanggungjawab dari segi undang-undang seandainya berlaku sebarang kemalangan, kerugian atau kematian kepada penghuni termasuklah ahli keluarga atau sesiapa pun akibat daripada penggunaan rumah BSK Transit tersebut.
- (i) Penghuni hendaklah memastikan kenderaan diletakkan di kawasan letak kereta yang telah disediakan. Penghuni dilarang keras memakirkan kenderaan di tempat yang tidak sepatutnya. Sebarang tindakan yang di ambil oleh penguatkuasa BPH dan polis adalah di bawah tanggungjawab penghuni sendiri.
- (j) Penghuni adalah dilarang membawa masuk semua jenis binatang peliharaan ke dalam premis.
- (k) Penghuni adalah dilarang membawa masuk makanan dan minuman yang tidak halal ke dalam premis.
- (l) Penghuni adalah dilarang mengadakan aktiviti yang bertentangan dengan kelaziman sosial dan kegiatan yang menyalahi undang-undang seperti perjudian, maksiat dan sebagainya semasa berada di dalam premis.
- (m) Penghuni adalah dilarang memasak kecuali penggunaan cerek elektrik/jug elektrik yang disediakan.
- (n) Penghuni adalah dilarang membawa keluar peralatan atau kelengkapan yang disediakan di dalam premis.
- (o) Penghuni adalah dilarang mengalih atau mengubah kedudukan perabot yang sedia ada.
- (p) Penghuni adalah dilarang menggunakan rumah BSK Transit sebagai tempat pejabat persatuan, pertubuhan politik atau amal ibadat.
- 2) Petugas BSK dari semasa ke semasa akan melawat/memeriksa rumah BSK Transit jika terdapat aduan salah laku sosial, maksiat atau seumpamanya.

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN DAN PENGGUNAAN
BSK TRANSIT**

TATACARA PERKHIDMATAN BSK TRANSIT YANG TIDAK DAPAT DILAKSANAKAN

10. Sekiranya BSK Transit tidak dapat dilaksanakan atas sebab-sebab tertentu, Pegawai BSK hendaklah menyediakan Laporan BSK Transit dengan menyatakan alasan-alasan BSK Transit tersebut tidak dapat dilaksanakan dan mengemukakannya kepada Pengarah BSK.

PEMBATALAN PERKHIDMATAN BSK TRANSIT

11. Tiap-tiap perkhidmatan BSK Transit hendaklah berkuatkuasa bagi setiap permohonan yang diluluskan sehingga ia dibatalkan oleh pemohon. Pembatalan perkhidmatan hendaklah dimaklumkan kepada Pegawai BSK selewat-lewatnya 3 hari sebelum tarikh prosiding di Mahkamah Syariah.

KAJIAN SEMULA DAN PINDAAN

11. BSK JKSM akan meminda Garis Panduan ini dari semasa ke semasa sekiranya perlu dengan persetujuan JKA. Sebarang cadangan penambahbaikan atau pindaan ke atas Garis Panduan ini boleh dikemukakan kepada BSK JKSM.

**Bahagian Sokongan Keluarga
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Putrajaya**

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN DAN PENGGUNAAN
BSK TRANSIT**

JADUAL

(Perenggan 7(1))

NO.	BUTIRAN	MAKAN	KOS	JUMLAH
		MINUM	PENGANGKUTAN	
1.	Selangor	RM40.00	RM133.00	RM173.00
2.	Negeri Sembilan	RM40.00	RM138.00	RM178.00
3.	Melaka	RM40.00	RM137.00	RM177.00
4.	Johor	RM40.00	RM183.00	RM223.00
5.	Kedah	RM40.00	RM206.00	RM246.00
6.	Perlis	RM40.00	RM190.00	RM230.00
7.	Perak	RM40.00	RM166.00	RM206.00
8.	Pulau Pinang	RM40.00	RM189.00	RM229.00
9.	Pahang	RM40.00	RM164.00	RM204.00
10.	Terengganu	RM40.00	RM178.00	RM218.00
11.	Kelantan	RM40.00	RM196.00	RM236.00
12.	Sabah	RM40.00	Rujuk Jadual Kedua + Kadar Tiket Penerbangan Semasa	RM40.00+Rujuk Jadual Kedua + Kadar Tiket Penerbangan Semasa
13.	Sarawak	RM40.00	Rujuk Jadual Ketiga + Kadar Tiket Penerbangan Semasa	RM40.00+Rujuk Jadual Ketiga + Kadar Tiket Penerbangan Semasa
14.	W.P Labuan	RM40.00	Rujuk Jadual Keempat + Kadar Tiket Penerbangan Semasa	RM40.00+Rujuk Jadual Keempat + Kadar Tiket Penerbangan Semasa